



Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad (tiga dari kanan) membuka Pek *PlayFULL* bersaiz besar, kit pembelajaran yang direka khas oleh KidSTART. Turut bersama beliau ialah CEO SP Group, Encik Law Chin Ho (tiga dari kiri); CEO KidSTART, Encik Joel Tan (enam dari kiri); Pengerusi Community Chest, Encik Mr Chew Sutat (lima dari kanan), serta keluarga KidSTART. – Foto KidSTART SINGAPORE

SP Group sumbang tambahan \$1.1j kepada KidSTART

► MUHD HAZMAN ABD AZIZ
mhazman@sph.com.sg

SP Group (SP) mengukuhkan sokongan jangka panjangnya kepada program KidSTART Singapore dengan sumbangan tambahan \$1.1 juta pada 2025.

Sebagai rakan pelopor dalam daya utama *Growing Together with KidSTART*, SP menyumbang \$3.2 juta sejak 2021.

Dengan komitmen terbaru itu, sokongan SP berjumlah \$4.3 juta.

Kerjasama yang sudah lama terjalin itu akan terus memperkasakan keluarga KidSTART, menurut KidSTART dan SP Group dalam satu kenyataan bersama pada 4 Januari.

Sokongan itu seiring dengan pengembangan KidSTART ke seluruh Singapura dalam 2025.

Sumbangan tersebut diumumkan di pelancaran *PowerUP Playtime* oleh KidSTART dan SP Group, yang dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad.

Acara di Southside@Sentosa pada 4 Januari dihadiri keluarga KidSTART.

Dalam satu hantaran Facebook pada 5 Januari, Encik Masagos melahirkan penghargaan terhadap usaha SP Group itu.

“Sumbangan anda telah menjadikan program seperti *PowerUP Playtime* berjaya, memberikan impak besar kepada keluarga KidSTART kami,” ujar beliau.

Encik Masagos menambah bahawa alat yang menyeronokkan dan praktikal itu bukan sahaja mengeratkan hubungan keluarga, malah membantu anak-anak berkembang dengan lebih kuat, belajar lebih cepat, dan menjadi individu lebih penyayang.

PowerUP Playtime adalah daya utama yang menggabungkan kit pembelajaran berasaskan permainan di rumah dengan penceritaan dan bengkel interaktif.

Ia bertujuan membantu ibu bapa memupuk kegembiraan dalam pembelajaran kanak-kanak berusia hingga enam tahun serta menggalak interaksi antara mereka.

Antara aspek *PowerUP Playtime* ialah Pek *PlayFULL*, sebuah kit pembelajaran yang mengandungi buku cerita, mainan imaginatif, dan bahan kraf.

Ia bertujuan menyokong perkem-

bangkan kognitif, bahasa, dan kemahiran motor kanak-kanak.

Pelancaran itu menyaksikan lebih 1,200 kanak-kanak KidSTART dan keluarga mereka menerima Pek *PlayFULL* sambil menikmati pelbagai kegiatan, seperti bengkel berasaskan permainan, penceritaan imaginatif dan kraf kreatif.

Sokongan berterusan SP Group memberi lebih 6,000 keluarga KidSTART akses kepada sumber menyeluruh bagi pembangunan awal kanak-kanak, serta mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KidSTART, Encik Joel Tan, berkata rakan kongsi seperti SP Group memainkan peranan penting dalam membolehkan KidSTART mencipta daya utama baru yang memberi impak kepada kanak-kanak KidSTART.

“Membesarkan seorang anak memerlukan sokongan ramai, dan kami berterima kasih bagi kerjasama jangka panjang SP Group serta komitmen mereka untuk memberikan peluang sama rata kepada kanak-kanak dan memastikan mereka mendapat permulaan baik dalam hidup,” kata beliau.